

# Terima tauliah Suksis

**NILAI** – Seramai 56 orang pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Kali Ke-11 di Universiti Tun Hussein On, BatuPahat, baru-baru ini.

Terdiri daripada 26 lelaki dan 30 perempuan, mereka yang sedang menuntut di peringkat Sarjana Muda menerima watak masing-masing dalam majlis yang dirasmikan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Turut hadir, Ketua Polis Johor, Datuk Rusli Ahmad dan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani bersama Komandan-Komandan Kor Suksis dan Pegawai Kanan



**Pelatih Kor Suksis yang menerima anugerah (dari kiri) Shafatin, Hafiz, dan Abdul Rahman.**

Polis Diraja Malaysia.

Sempena majlis ini, ia juga menjadi hari yang bersejarah dan manis kepada penuntut dari Usij, Muhammad Hafiz Amir, 22; Abdul Rahman Razali, 22; dan Shafatin Mohd Zahar, 22, apabila masing-masing menerima penghargaan daripada Ketua Polis Negara sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan, Pelatih Terbaik Latihan Luar dan Pelatih

Terbaik Latihan Akademik.

Hafiz yang merupakan penuntut Tahun Tiga Sarjana Muda Sains Komputer Jaminan dan Keselamatan Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat Usim dan dipilih sebagai penerima Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan tidak pernah sesekali menyangka akan menerima anugerah seumpama ini.